

12 APR 1998

Mahathir-Kebakaran

KEBAKARAN HUTAN DI SEPANG ANGKARA GOLONGAN TAK BERTANGGUNGJAWAB

SEPANG, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini meninjau kebakaran hutan bersebelahan Km 28.8 Lebuhraya Lingkar Tengah yang menjadi bertambah buruk dan memberi amaran akan bertindak terhadap mereka yang sengaja memulakannya.

Sambil menyertai anggota bomba memadam kebakaran yang masuk hari ke-12 itu, Perdana Menteri berkata, walaupun pihak berkuasa telah bertungkus lumus memadamkannya, kerja pembersihan hutan melalui pembakaran terbuka di kawasan berhampiran telah menyebabkan kebakaran terus merebak.

"Daripada segi enforcement kita sudah kerahkan polis, Rela dan tentera (untuk menangkap mereka yang melakukan pembakaran terbuka) tetapi masih ada yang terlepas juga.

"Orang yang sengaja bakar ini kita akan kenakan hukuman penjara," kata Dr Mahathir selepas melakukan lawatan mengejut selama 40 minit ke kawasan kebakaran hutan itu di sini dan turut sama membantu anggota pasukan Bomba dan Penyelamat memadamkan kebakaran dengan menggunakan semburan berkuasa tinggi.

Kebakaran hutan di sebelah lebuhraya yang menghala ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) itu sejak 1 April lepas meliputi kawasan seluas 50 hektar manakala satu lagi kebakaran berlaku di Km 26.6 sebelah lebuhraya yang menghala ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir, yang tiba di kawasan kebakaran itu pada pukul 10 pagi, berkata langkah berjaga-jaga bagi memastikan tiada lagi sesiapa melakukan pembakaran terbuka di kawasan berhampiran akan terus dipertingkatkan.

Beliau berkata kerja memadamkan kebakaran itu perlu dilakukan segera kerana keadaannya yang bertanah gambut boleh menyebabkan kebakaran sehingga berbulan-bulan.

"Tanah gambut ini boleh terbakar sampai 12 meter ke dalam tanah. Atas (permukaan) nampak okay tetapi bawah masih menyala," katanya.

Perdana Menteri, yang berpuas hati dengan usaha memadamkan kebakaran itu, telah menggunakan apa yang dipanggil sebagai "high impact water fog" yang bertindak sebagai alat menembak air ke dalam tanah.

Dengan keupayaan memancutkan 14 liter air seminit ke dalam tanah, penggunaan alat itu telah berjaya memadamkan antara 20 dan 30 peratus kawasan yang terbakar.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Paya Indah, K Muralee Dhora Menon berkata, kebakaran hutan di kawasan milik syarikat itu di Km 26.6 sebelah lebuhraya yang menghala ke Kuala Lumpur berlaku sejak Jumaat lepas.

Beliau berkata, usaha memadamkan kebakaran hutan di kawasan seluas 40 hektar itu menjadi bertambah sukar kerana cuaca kering dan angin yang bertiup kencang.

Bagaimanapun, kebakaran terkawal manakala sumber air untuk memadamkan kebakaran tidak menjadi masalah kerana terdapat banyak bekas lombong di kawasan berhampiran, katanya.

Ketika ditanya kos yang dikeluarkan oleh syarikat itu setakat ini bagi memadamkan kebakaran itu, Muralee berkata: "Kos tidak penting, yang penting ialah memastikan kebakaran tidak merebak."

Katanya, usaha memadamkan kebakaran itu melibatkan pihak berkuasa negeri dan pusat termasuk bomba, polis, Rela, tentera dan pertubuhan bukan kerajaan. -- BERNAMA

ZAI AH MAI

